

28 MAR 1998

ANWAR Pengerusikan Mesyuarat Khas Bekalan Air Isnin Ini

BUKIT MERTAJAM, 28 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beliau akan memanggil mesyuarat khas bagi mencari jalan mengatasi masalah bekalan air di Lembah Kelang Isnin ini.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Permatang Pauh dekat sini, Anwar berkata beliau akan memanggil mesyuarat itu pada jam 11 pagi di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Jabatan Kerajaan yang dijangka hadir ialah Unit Perancang Ekonomi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Air di Jabatan Kerja Raya, Puncak Niaga Bhd dan Jabatan Bekalan Air Selangor.

Dianggarkan 600,000 penduduk Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya mengalami masalah bekalan air sejak lebih seminggu ekoran musim kemarau yang melanda.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Anwar akan mempengerusikan satu mesyuarat antara-antara jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan untuk mencari jalan mengatasi masalah air yang semakin meruncing.

Katanya Anwar akan diberi taklimat masalah itu di Kuala Lumpur dan Selangor.

--Bernama

AH WAT